

Pendirian Malaysia sertai APEC atau tidak diketahui esok

Kuala Lumpur: Malaysia akan memutuskan sama ada menyertai atau tidak sidang Minggu Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) selepas-lewatnya esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ketika ini, Malaysia sedang menyelaraskan dengan negara lain yang terbabit dalam persidangan itu.

“Setakat ini kebanyakan nega-

ra akan hadir. Jadi (saya) akan semak (perkara) ini dalam satu atau dua hari lagi,” katanya ditemui media selepas melancarkan Malaysia Digital Expo 2023 (MDX 2023) di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai sama ada Malaysia akan memboikot APEC sebagai tanda solidariti terhadap Palestin.

Minggu lalu, Anwar dilaporkan berkata Malaysia sedang berhubung dengan negara Asia

lain, termasuk China untuk mengetahui pendirian mereka sama ada mahu memboikot kehadiran pada APEC.

APEC adalah forum ekonomi serantau yang ditubuhkan pada 1989 untuk memanfaatkan saling kebergantungan yang semakin meningkat di Asia-Pasifik. Persidangan di San Francisco bermula 11 hingga 17 November ini.

Sebanyak 21 Ahli Ekonomi Ahli APEC menyumbang hampir 40

peratus daripada populasi global, hampir 50 peratus daripada perdagangan global dan lebih daripada 60 peratus eksport barangan AS.

Ahli ekonomi APEC ialah Australia, Brunei, Kanada; Chile, China; Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taipei, Thailand, AS dan Vietnam.